

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN SIASATAN EAIC: SALAH LAKU DALAM PENGENDALIAN KES DADAH DI AADK

PUTRAJAYA, 23 September 2024 — Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap seorang bekas Ketua Unit di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sik, Kedah. Beliau dikatakan melindungi individu yang telah disahkan positif dadah dan gagal mengemas kini Buku Rekod Penghantaran Sampel Urin Orang Yang Disiasat (OYDS). Siasatan sepenuhnya telah dijalankan ke atas aduan ini mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*]. Selepas EAIC telah selesai membuat penyiasatan, EAIC mendapati bahawa salah laku berupa kesalahan tata tertib telah dilakukan seperti berikut:

- (a) Ketua Unit tersebut telah gagal mengendalikan keputusan saringan air kencing OYDS yang telah disahkan positif dadah jenis methamphetamine/amphetamine sehingga menyebabkan berlakunya kelengahan selama hampir 1 tahun 6 bulan untuk menyerahkan keputusan saringan air kencing tersebut kepada pihak majikan OYDS;
- (b) Ketua Unit tersebut telah gagal untuk memastikan Buku Rekod Penghantaran Sampel Urin OYDS berada dalam keadaan teratur sepanjang beliau bertugas di AADK Sik, Kedah; dan
- (c) dua orang Pembantu Antidadah di AADK Sik, Kedah yang ditugaskan untuk menghantar dan mengambil sampel air kencing OYDS didapati telah gagal untuk mengemas kini Buku Rekod Penghantaran Sampel Urin OYDS dengan teratur.

Oleh itu, EAIC melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 8/2024 bertarikh 10 September 2024, suatu syor hukuman yang patut dikenakan ke atas pegawai tersebut iaitu—

- (a) Tangguh Pergerakan Gaji selama 6 bulan terhadap Ketua Unit tersebut atas kerana cuai dan tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan satu tindakan yang adil dapat diambil terhadap OYDS oleh majikannya;
- (b) Amaran terhadap Ketua Unit tersebut kerana gagal untuk memastikan Buku Rekod Penghantaran sampel Urin OYDS AADK Sik, Kedah berada dalam keadaan teratur; dan
- (c) Amaran terhadap dua orang Pembantu Antidadah AADK Sik, Kedah kerana gagal mengemas kini Buku Rekod Penghantaran Sampel Air Kencing AADK Sik, Kedah dengan sewajarnya.

Maka, perkara itu telah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) AADK untuk tindakan selanjutnya.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)